

CNS9626

U GB 25-04 00176 BB619

Bah

WAWASAN 2020 BUXAN UNTUK DIWARISI TAPI UNTUK KANAK-KANAK HARI INI

Mahathir - Kanak-Kanak

XUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Warganegara masa kini mempunyai peranan dan tanggungjawab utama memastikan kanak-kanak hari ini menjadi warganegara atau pemimpin yang bertanggungjawab dan berhemah tinggi, kata Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata selain itu mereka juga perlu memastikan kanak-kanak hari ini berbudi pekerti dan patriotik melalui didikan, tunjuk ajar dan nilai-nilai hidup yang diserapkan pada masa ini.

Amanat Perdana Menteri untuk kanak-kanak Malaysia itu disampaikan oleh bekas Penasihat Khas Kementerian Pendidikan Tan Sri Dr Awang Had Salleh pada majlis ulang tahun ke-25 majalah Dewan Pelajar keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka di Dataran Merdeka di sini.

Dr Mahathir berkata maju mundurnya sesuatu bangsa itu bukan disebabkan oleh bentuk tubuh badan bangsa itu, tetapi diasaskan kepada budaya bangsa berkenaan.

+Jika budaya bangsa mengutamakan sifat-sifat yang mulia, maka akan maju bangsa itu. Sebaliknya bangsa yang maju sekalipun akan menjadi mundur apabila nilai hidup yang buruk diamalkan,+ katanya. -- Lagi

▼25/04/19-51MST

CNS9627

U GB 25-04 00181 BB620

Bah

Mahathir - Kanak-Kanak 2 (Akhir) Kuala Lumpur

+Wawasan 2020 ialah untuk kanak-kanak hari ini dan bukan untuk diwarisi semata-mata. Wawasan 2020 perlu diusahakan dan untuk itu sifat-sifat yang sesuai perlu diserapkan kepada kanak-kanak dari sekarang,+ katanya.

Perdana Menteri selepas itu melancarkan buku +Kenangan dan Harapan Dewan Pelajar 25 Tahun+.

Majlis itu, yang bertemakan +Anak Malaysia Membina Malaysia+ dihadiri lebih kurang 1,000 kanak-kanak yang turut menyanyikan lagu tema perayaan tersebut bersama-sama koir suara MAS Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Upacara itu turut dipenuhi dengan pelbagai acara hiburan persembahan murid sekolah di sekitar Kuala Lumpur, persembahan sketsa oleh kumpulan 2+1, yang terdiri daripada Imuda, Sabri Yunus, Susan Lancaster Ahmad Busu dan Zami Ismail, dan penyanyi undangan Ruhil Amani Husin.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, anak-anaknya Mazhar dan Maizura dan cucunya Ineza Mohamed Ikhlas.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan Dr Leo Michael Toyad, Datuk Bandar Tan Sri Elyas Omar dan pengerusi DBP Datuk Abdul Rahim Bakar. -- Bernama /

▼25/04/19-55MST